

Peranan Komunikasi dalam Aplikasi WhatsApp dalam Kalangan Komuniti Maya.

Helyawati Baharudin, Shakirah Mohd Sofi & Farhana Abdullah Asuhaimi

*Jabatan Multimedia, Fakulti Sains & Teknologi Maklumat, Kolej Universiti Islam
Antarabangsa, Selangor*

helyawati@kuis.edu.my

Abstract. Di dalam era teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), maklumat dapat disampaikan dengan cepat dan mudah melalui aplikasi rangkaian sosial seperti Twitter, Facebook, Telegram, dan WhatsApp. Ruang sembang (chat group) merupakan salah satu kemudahan yang terdapat di dalam rangkaian sosial aplikasi WhatsApp. Komuniti maya adalah sejenis satu komuniti tanpa sempadan yang ahlinya mempunyai hubungan dan ikatan sosial yang tiada sempadan demografi yang spesifik. Komuniti maya ini memerlukan satu jalinan komunikasi yang sentiasa aktif, dan mewujudkan aktiviti perbincangan, pertukaran pendapat dan perkongsian idea antara satu sama lain di kalangan ahli komuniti. Kertas kerja ini bertujuan untuk melihat peranan aplikasi WhatsApp sebagai medium komunikasi di dalam komuniti maya One Week One Juz (OWOJ). Hasil daripada penelitian menunjukkan rangkaian sosial komuniti maya di dalam aplikasi WhatsApp mempunyai 6 peranan komunikasi iaitu fungsi pengurusan, fungsi informatif, fungsi regulatif, fungsi integratif, fungsi persuasif dan fungsi sosial.

Keyword: Rangkaian sosial, komuniti maya, aplikasi WhatsApp, OWOJ